

Takungan banjir seperti pembetung najis

Tak tahan hari-hari busuk

KOSMO 05/10/2006

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS
norlida@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Penduduk Kampung Malaysia Tambahan, Sungai Besi di sini terpaksa menghidu bau busuk setiap hari ekoran kolam takungan banjir Kampung Midah yang kini tidak ubah seperti pembetung najis.

Dakwa penduduk, kolam takungan banjir itu sudah lama terbiar sehingga air yang dahulunya kelihatan biru bertukar menjadi hitam.

Seorang wakil penduduk, Kamarudin Sakhari, 59, berkata, penduduk terpaksa hidup dalam persekitaran yang berbau busuk sejak lebih lima tahun lalu.

"Kami sudah tidak tahan lagi kerana baunya yang sangat kuat seperti bau najis bercampur dengan bahan kimia," katanya ketika mengutarakan masalah penduduk Kampung Malaysia Tambahan di Majlis Dialog dengan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Tan Chai Ho di sini kelmarin.

Menurutnya, kolam takungan

banjir yang tidak terjaga itu juga dipercayai menjadi tempat pembiakan nyamuk dan menyebabkan kes demam denggi di kampung tersebut semakin bertambah.

"Kolam air yang telah ditumbuhi rumput ini perlu dibersihkan dan dijaga dari semasa ke semasa bukannya dibiarkan begitu sahaja sehingga boleh mengancam nyawa penduduk," ujarinya.

Kamarudin berharap agar Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Wilayah Persekutuan turun padang dan melihat sendiri keadaan kolam takungan banjir yang telah sekian lama terbiar.

"Jika kolam tersebut tidak memberi sebarang faedah kepada orang awam, baik ditutup sahaja," tambahnya.

Sementara itu, menurut Chai Ho, pihaknya akan mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan JPS bagi menangani masalah tersebut secepat mungkin.

"PBT dan JPS perlu lebih sensitif dan perlu bertanggungjawab dalam hal-hal seperti ini," katanya.



KOLAM takungan banjir Kampung Midah yang menimbulkan bau busuk di Kampung Malaysia Tambahan, Sungai Besi.